



**STRATEGI DAKWAH RASULULLAH
DALAM PEMBENTUKAN NEGARA:
KAJIAN PELAKSANAANNYA OLEH
PARTI ISLAM SEMALAYSIA**

AZAHAR BIN YAAKUB @ ARIFFIN

OPAC

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2005**

Perpustakaan Universiti Malaya



A512501027

**STRATEGI DAKWAH RASULULLAH
DALAM PEMBENTUKAN NEGARA:
KAJIAN PELAKSANAANNYA OLEH
PARTI ISLAM SEMALAYSIA**

AZAHAR BIN YAAKUB @ ARIFFIN

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
2005**

Tesis ini diterima oleh Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

*“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya
jelaskan sumbernya”*

AZAHAR BIN YAAKUB @ ARIFFIN

IHAQ 01018

23 JUN 2005

MOTTO

“Sesungguhnya kita adalah satu umat yang diberi kemuliaan oleh Allah dengan Islam, walaubagaimanapun masih ada di kalangan kita yang mencari lain daripada Islam sebagai al-deen, maka dengan itu kita akhirnya mendapat hukuman pengbinaan dari Allah yang maha dahsyat di dunia dan di akhirat”

... dengan itu benarlah Firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

(وَاللَّهُ الْعَزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ)

(*al-Munāfiqūn* : 8)

Bermaksud:

Dan hanya untuk Allah akan kemuliaan, untuk rasulNya, dan untuk orang-orang yang beriman!

JADUAL TRANSLITERASI

1. Konsonen

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf Rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu, terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	A
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	Ḩ
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy

ص	§
ض	Đ
ط	T
ظ	Ž
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه، يه	H
ء	,
ي	Y
ة	†

2. Vokal

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, vokal panjang dan diftong.

1. Pendek

_____ a
_____ I
_____ u

2. Panjang

_____ ā
_____ ī
_____ ū

3. Diftong

_____ ay
_____ aw
_____ ū

Beberapa istilah Arab yang telah dimelayukan digunakan serta kekal dalam Bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti: al-Quran, ulama, syariah, siasah dan sebagainya. Demikian juga istilah Inggeris yang telah dimelayukan seperti kuantiti, kolonial, kontradiksi, subjek, westernisasi dan lain-lain. Terjemahan ayat-ayat al-Quran di dalam disertasi ini berpandukan kepada *al-Qur'an dan Terjemahnya* (dalam Bahasa Indonesia), diterbitkan oleh *Majma' Khādim al-Haramayn al-Syarīfain al-Malik Fahd*. Terjemahan ini telah disahkan oleh Lajnah Pentaśeḥ Maṣhaf al-Qur'an, Departmen Agama Republik Indonesia pada 28 Februari 1990 / 3 Sya'bān 1410.

SENARAI KEPENDEKAN

- (1) ABIM : Angkatan Belia Islam Malaysia
- (2) 'Abd : Abdul
- (3) Bil : Bilangan
- (4) C : Cetakan
- (5) DBP : Dewan Bahasa dan Pustaka
- (6) Dlm: Dalam
- (7) Dr : Doktor
- (8) Hal : halaman
- (9) Ibid : (Latin : bidem) pada tempat, kitab, fasal atau halaman
- (10) Infra : (Berasal dari Latin Infra; merujuk kepada tesis yang sedang diusahakan)
- (11) IKIM : Institut Kefahaman Islam Malaysia
- (12) JAWI : Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- (13) JAKIM : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- (14) Jld : Jilid
- (15) JPN : Jabatan Pendaftaran Negara
- (16) Loc-cit : (Latin : loco citato) pada tempat, halaman, tarikh dan masa yang sama.
- (17) No : Nombor
- (18) Op-cit : (Latin : opere citato) dalam rujukan yang telah diterangkan
- (19) PAS : Parti Islam SeMalaysia

- (20) PERKIM : Persatuan Kebajikan Islam Malaysia
- (21) Prof : Profesor
- (22) r.a : RadiaLlahu 'Anhu
- (23) s.a.w : SalaLlahu 'Alaihi wa Sallam
- (24) sblm: sebelum
- (25) sdn. Bhd : Sendirian Berhad
- (26) S.W.T : Subhanahu wa Ta ala
- (27) Terj : Terjemahan
- (28) Tt : Tanpa tahun
- (29) UMNO : United Malays National Organisation
- (30) UPKN : Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan
- (31) YADIM : Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia.

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini ialah menganalisis bentuk-bentuk strategi yang dilaksana oleh Parti Islam Se-Malaysia dalam usaha membentuk negara Islam. Ia sejajar dengan misi utama perjuangan parti tersebut. Manakala rangka kajian strategi dakwah yang direalisasikan oleh Rasulullah (s.a.w.) serta modul negara Islam Madinah, telah diunjurkan dalam bentuk implikasi kepada PAS bagi meletakkan kayu ukur samada PAS juga memiliki suatu perancangan dan strategi tertentu dalam merealisasikan misinya ataupun sebaliknya. Dalam pada itu, menganalisis bentuk-bentuk strategi jangka panjang dan jangka pendek PAS, skala kejayaan dan juga permasalahan yang dihadapi dalam menjayakan strategi merupakan isu utama kajian. Manakala di antara hasil utama kajian mendapati bahawa PAS sememangnya menyediakan strategi-strategi tertentu bagi menjayakan misi membentuk negara Islam. Melalui strategi-strategi tersebut PAS telah berjaya meraih beberapa kejayaan utama seperti berjaya membentuk satu kefahaman kepada sebahagian rakyat jelata tentang kepentingan membentuk negara Islam. Manakala kejayaan memerintah Kelantan dan pernah memerintah Terengganu merupakan satu simbol kejayaan awal misi parti tersebut. Namun disebalik kejayaan strategi-strategi yang dirancang terdapat beberapa kegagalan yang dilihat berlarutan sehingga kini. Keadaan menjadi lebih parah apabila terdapat pula beberapa masalah dalaman dan luaran yang sekaligus menjadi bebanan dan batu penghalang kepada kejayaan misi PAS. Walaubagaimanapun, tanpa dinafi bahawa apa yang diusaha oleh PAS merupakan satu contoh pengorbanan sebuah perjuangan parti politik persada tanah air dalam rangka merialisasi cita-perjuangan. Di akhir tesis ini disediakan beberapa cadangan khususnya kepada PAS bertujuan penambahbaikan dan *survival* parti tersebut untuk masa-masa yang akan datang. Menyingkap tentang methodologi kajian tesis ini, mendapati bahawa kajian dalam bentuk *deskriptif kualitatif* seperti kajian kepustakaan dan kajian lapangan merupakan teras utama yang mendominasi keseluruhan kajian. Manakala methodologi *histories*, dokumentasi, *interview* dan *observasi* diaplikasi semaksima mungkin bagi mendapatkan dapatan kajian.

ABSTRACT

The purpose of this research is to analyze the types of strategies which are implemented by the Parti Islam Se-Malaysia (PAS) in its effort to create an Islamic country. It is aligned with the main mission of the party's struggle. PAS is practicing the same doctrine that Prophet Muhammad (peace be upon him) had put into actual practice in the state of Madinah centuries ago. This is set as a benchmark as to whether PAS is capable in establishing the proper plan and strategy to progress towards that area. Hence, the subject of my writing will focus on the long and short-term plan of the party which is administered by PAS itself, its achievements and also the problems that it encounters while trying to execute its strategies. This research establishes that PAS devises the right strategies to make its mission a success which is to establish an Islamic country, a success. Through these strategies, PAS has managed to expand its dominion by persuading many followers to understand the importance of an Islamic country as the ultimate manifestation of Islam. Just with the Islamic State established by the Prophet, upon whom be peace, PAS has shown great accomplishments in ruling Kelantan and also Terengganu even though for a short time. Nevertheless, behind these accomplishments, this complete outline of the party has been shaken by unresolved problems which still linger on. There are tribulations created from inside as well as outside the party to corrode the value of PAS's success. These problems indirectly become a burden and a stumbling block to the party's triumphant mission. Still, all the effort being done by PAS is a good sacrificial example of a homeland political party in an attempt to make-real its ambition on top of its political survival. At the end of this thesis I include several suggestions to PAS to improve the party policy as well as for the survival of the party in the future. In this research, *descriptive qualitative* studies such as librarianship and field studies are the core methodologies used in the entire research. Other methodologies such as *histories, documentation, interview* and *observation* are applied to the maximum to produce this research's findings.

ملخص البحث

الغاية القصوى من هذه الكتابة هي بحث عن الاستراتيجيات التي استعملها الحزب الإسلامي الماليزي (فاس) فى تطبيق جهوده المشكورة لإقامة دولة إسلامية. وهى تطابق الهدف الأسمى لنضال ذلك الحزب. أما دعوة رسول الله صلى الله عليه وسلم ونموذج الدولة الإسلامية فى المدينة المنورة فانهما قد تتمثلا على وجه النتائج عند فاس لوضع الميزان فى تعين أنه قد رسم خططا معينة واستراتيجيات خاصة نحو تحقيق غاياته أو بالعكس. وفي نفس الوقت، من صميم الكتابة بحث عن أشكال الخطط عند فاس لمدة طويلة ومدة قصيرة ونجاجه الرائع والعقبات المתחدية التى يواجهها فى الحصول على الاستراتيجيات المرسومة. ومن بعض النتائج يعلن أن فاس قد أعد اجراءات معينة لقطع أهدافه نحو تكوين دولة إسلامية. من خلال الاستراتيجيات المستخدمة حصل فاس على النتائج الأساسية وعلى سبيل المثال امكانيته فى غرس الفهم الصحيح لمتطلبات دينية وعلى رأسها اقامة دولة إسلامية. فالتحكيم على ولائيتى كلتن دارالنعمى الى يومنا هذا وترنجانو دار الایمان فى يوم من الأيام صار رمزا تمهديا على أول امكانيته للوصول الى تمنياته المنشودة. تتلوث من وراء امتياز الاستراتيجيات المرسومة الرواسب العديدة ما زالت جارية الى عصرنا هذا. والحاله قد تترقى فسادا بوجود مشاكل داخلية وخارجية حتى تصيب كلفة ثقيلة وحجرًا مانعا عند فاس فى تنفيذ غاياته. وبالرغم ذلك، من حقيقة لا تثير نزاعا أن ما كسب به فاس يكون أسوة حسنة لجهاد حزب سياسي فى ارض ماليزيا لأجل تحقيق تمنياته الكفاحية كلها. وفي طرف هذا البحث، ترشد بعض الاقتراحات المفيدة خصوصا لحزب فاس لاصلاحه وابقائه فى مواجهة أيامه الأئية والتىارات المتموجة . نظرا لمنهج الكتابة، فانها مكتوبة على منهج التحليلية النوعية مثل البحث المكتبي. أما البحث الميداني فانه يكون أساسا يسيطر على سائر الكتابة. والمنهج التاريخي والملفى والمقابلة والمراقبة فانها تستعمل بكثير للحصول على نتائج البحث.

DAFTAR ISI

STRATEGI DAKWAH RASULULLAH DALAM PEMBENTUKAN NEGARA: KAJIAN PELAKSANAANNYA OLEH PARTI ISLAM SEMALAYSIA

PENDAHULUAN

Motto	iv
Jadual Transliterasi	v
Senarai Kependekan	viii
Abstrak	x
Daftar Isi	xiii
Penghargaan	xviii
Pernyataan Masalah	xxi
Hipotesis Kajian	xxv
Rangka Kajian	xxix
Ulasan Kajian Terdahulu	xxix
Kepentingan Kajian	xxvi
Objektif Kajian	xxiv
Huraian Istilah	xxvii
Metodologi kajian	xxxv

BAB I

STRATEGI DAKWAH RASULULLAH DALAM MEMBENTUK NEGARA

1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 KONSEP STRATEGI DAKWAH	2
1.3 STRATEGI JANGKA PANJANG	4
1.3.1 Mempamer Ketokohan Kepimpinan	5
1.3.2 Menyebar Kesedaran	9
1.3.3 Memantap Tarbiyah	12
1.3.4 Memperkenal Khidmat Masyarakat	15
1.3.5 Berhijrah	18
1.3.6 Memaksima Peranan Masjid	20
1.3.7 Memperteguh Perpaduan Nasional	25
1.3.8 Membentuk Perlembagaan Madinah	31
1.3.9 Memperkenal Pengagihan Kuasa	36
1.3.10 Menghormati Undang-Undang	39
1.3.11 Mendapat Pengiktirafan	42
1.3.12 Mempertahan Prinsip Kedaulatan	45

1.4	STRATEGI JANGKA PENDEK	47
1.4.1	Bertahan Seketika Menghadapi Musuh	47
1.4.2	Mengeliru Musuh	51
1.4.3	Mengaplikasi Kepakaran	54
1.4.4	Mencari Perlindungan	56
1.4.5	Mempengaruhi <i>Mad'ū</i> Melalui Sumbangan	57
1.4.6	Melaksanakan <i>al-Tadarruj</i>	59
1.4.7	Mewujud Perwakilan	64
1.5	KESIMPULAN BAB	66

BAB II

NEGARA ISLAM

2.1	PENDAHULUAN	67
2.2	KONSEP NEGARA ISLAM	67
2.3	ASAS-ASAS NEGARA ISLAM	73
2.3.1	Tanah Air	74
2.3.2	Kuasa	77
2.3.3	Rakyat	80
2.3.4	Pengiktirafan	83
2.3.5	Melaksana Syariah	85
2.4	ORGANISASI PENTADBIRAN RASULLAH	87
2.4.1	Ketua dan Timbalan Ketua Negara	89
2.4.2	Pentadbiran Awam	91
(a)	Pentadbiran Pusat	93
(i)	<i>Al-Musyir</i> (penasihat)	93
(ii)	<i>Kātib</i> (Setiausaha)	94
(iii)	<i>Saffārah</i> (Wakil)	96
(iv)	<i>Nawwāb</i> (Pesuruhjaya)	98
(v)	Tugas-Tugas Khas	99
(b)	Pentadbiran Wilayah	102
(i)	Gabenor	102
(ii)	Naqib	113
(iii)	Pentadbir Pasar	104

2.4.3 KEMENTERIAN KEWANGAN	105
2.4.4 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL	108
2.4.5 KEMENTERIAN KETENTERAAN	111
2.5 KESIMPULAN BAB	113

BAB III KONSEP NEGARA ISLAM PERSPEKTIF PAS

3.1 PENDAHULUAN	115
3.2 PARTI ISLAM SE-MALAYSIA	116
3.2.1 Penubuhan dan Perkembangan	117
3.2.2 Dasar	126
3.2.3 Matlamat Perjuangan	129
3.2.4 Struktur Organisasi	135
3.2.5 Aliran Pemikiran	139
3.3 HUJAH MENEGAK NEGARA	146
3.3.1 Politik Sebahagian Daripada Islam	147
3.3.2 Kewajipan Menegak Negara	150
3.3.2 Pilihan Raya Wasilah Penubuhan Negara	153
3.4 KONSEP NEGARA	155
3.4.1 Prinsip-Prinsip Umum Negara	156
3.4.2 Melaksana Syariah	159
3.4.3 Menegak Kebenaran	162
3.4.4 Mempertahan Keadilan	164
3.4.5 Mewujud Kebebasan	166
3.4.6 Menggarap Persamaan	171
3.4.7 Mewujud Dasar al-Syura	173
3.4.8 Membina Ketaatan	175
3.5 NEGARA PERSPEKTIF POLITIK	177
3.5.1 Negara Khilafah	178
3.5.2 Kedaulatan Syariah	181
3.5.3 Jaringan Antarabangsa	185
3.5.4 Kemakmuran Demokrasi	187
3.5.5 Kedudukan Ahli Zimmi	199
(i) Hak-Hak Ahli Zimmi	201
(ii) Tanggungjawab Ahli Zimmi	203
(iii) Hak dan Tanggungjawab <i>al-Musta'min</i>	206
3.6 NEGARA PERSPEKTIF PERUNDANGAN	207
3.6.1 Badan Perundangan	209
3.6.2 Badan Eksekutif	213
3.6.3 Badan Kehakiman	217

3.7	NEGARA PERSPEKTIF EKONOMI	219
3.7.1	Prinsip Asas Ekonomi	220
3.7.2	Dasar Belanjawan Negara	228
3.7.3	Ekonomi Kawalan dan Campur Tangan Kerajaan	237
3.7.4	Perancangan Pembangunan dan Pembendungan Kemiskinan	242
3.8	KESIMPULAN BAB	252

BAB IV
ANALISIS STRATEGI PAS DALAM PEMBENTUKAN NEGARA ISLAM

4.1	PENDAHULUAN	254
4.2	STRATEGI JANGKA PANJANG	254
4.2.1	Membangkit Isu Negara Islam	257
4.2.2	Mengutama Pengukuhan Akidah	269
	(a) Medium Penerbitan	271
	(b) Mencetus Polemik Akidah	276
	(c) Medium Pentarbiyah	293
4.2.3	Mendekati Non-Muslim	397
4.2.4	Membina Rangkaian Global	315
4.2.5	Menerap Nilai Islam Dalam Kerajaan	330
4.2.6	Memperkasa Kepemimpinan Ulama	358
4.2.7	Memprogram Perkaderan dan Tarbiyyah	373
4.2.8	Mengerak Sektor Kemasyarakatan	384
4.2.9	Menggabung Ulama dan Profesional	389
4.3	STRATEGI JANGKA PENDEK	394
4.3.1	Memperjuang Kemerdekaan	394
4.3.2	Menggabung Islam dan Kebangsaan Melayu	402
4.3.3	Menyertai Pilihanraya	408
4.3.4	Mewujud Pakatan Politik	412
4.3.5	Menangani Isu-Isu Semasa	421
4.3.6	Mewujud Dua Manifesto Berbeza	426
4.4	KEJAYAAN KUANTITATIF STRATEGI	430
	(i) Pencapaian Pilihan Raya	433
	(ii) Penambahan Cawangan	439
	(iii) Peningkatan Ahli	443
4.5	MASALAH STRATEGI	447
4.5.1	Masalah Dalaman	477
	(i) Konflik Pandangan Berbeza	447
	(ii) Kelemahan Memaksimum Tenaga Kerja	450
	(iii) Kekurangan Ketara Sumber Dan Saluran	452

4.5.2	Masalah Luaran	454
	(i) Kejahilan Melampau Sebahagian Umat Islam.....	454
	(ii) Fobia Sesetengah Non Muslim	456
	(iii) Manipulasi Media Massa dan Elektronik.....	457
	(iv) Perbezaan Ideology Pangkatan Pembangkang.....	459
4.6	KESIMPULAN BAB	462

BAB V
PENUTUP

5.1	KESIMPULAN	464
5.2	CADANGAN	469
5.3	BIBLIOGRAFI	474
5.4	LAMPIRAN A	507

PENGHARGAAN

1. Terima kasih yang tidak terhingga kepada al-Fadil Profesor Dr. Abd Aziz bin Muhammad Zin, Pengarah Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur merangkap penyeħħa dan pembimbing tesis. Sesungguhnya Profesor telah banyak memberikan bimbingan, pengorbanan masa dan tenaga, dan tunjuk ajar berkesan semata-mata memastikan kejayaan saya dalam tesis ini. Jasa Profesor saya akan abadikan sepanjang hidup saya. Dan akan menukilkan *zikrayāt* manis, apatah lagi sebelum ini professor juga sanggup melayan kerentah saya semasa menyelia tesis di peringkat sarjana, hanya Allah (s.w.t.) sahaja yang mampu menilai dan membelas jasa baik Profesor. Apapun saya memohon kehadrat Allah (s.w.t.) semoga diberi kebahagian dan kesejahteraan buat professor sekeluarga.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tenaga kerja Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, UM terutama lagi buat Kak Aeshah bt Mohd. Kanapiah (Pegawai Jabatan) yang banyak membantu soal-soal teknikel serta Ustazah Norrodzoh bt Hj. Siren selaku ketua Jabatan Dakwah yang turut memberikan idea bernas ke arah memantapkan tesis. Tak lupa kepada sahabat karibku Ustaz Adlin bin Saleh yang telah banyak membantuku menyiapkan tesis ini.

3. Penghargaan dan terima kasih kepada The Tokyo Foundation - The Ryoichi Sasakawa Young Leaders Fellowship Fund (SYLFF) yang telah menganugerah biasiswa kepada saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Semoga dimakmurkan tabung tersebut dari masa ke semasa.

;
4. Ucapan seitinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Pusat Islam yang telah menyediakan sebahagian besar bahan-bahan bercetak dalam menyiapkan tesis. Begitu juga dengan Perpustakaan Yusof Rawa, Pejabat Agong PAS Pusat dan Perpustakaan Dewan Pemuda PAS, terutama sdr. Fadli dan rakan-rakan seperjuangan sana yang banyak membantu saya menjayakan tesis ini.
5. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutama MARA melalui Kolej Kemahiran Tinggi MARA yang banyak menyediakan kemudahan kerjaya. Sterusnya mana-mana individu yang turut sama membantu saya samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini.
6. Apapun jua tetap tidak dilupakan buat selama-lamanya untuk bonda tersayang dan tercinta, Hajah Kamariah (Kak Mah).....sesungguhnya keringat, solat hajat dan doamu terlalu besar ertinya bagiku! Terima kasih atas setiap doa *quddūs* yang engkau curahkan selama ini sehingga terasa nilai keberkatan dalam hidupku. Seterusnya *al-fātiḥah* kepada ayahandaku Hj. Yaakub @ Ariffin yang telah menyahut seruan Allah menuju ke alam *baqā'*. Semoga ayahnda sentiasa

mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah. Tidak ketinggalan kepada seluruh adik-adikku Zihan, Zizul, Adam, Ja, Ain, Nini, serta Kak Long Ayu sekeluarga di kampung Aril, Kota Bharu Kelantan, yang sentiasa memberikan perhatian dan sokongan padu kepadaku.

- ;
7. *Zāujahku* tercinta, (Norhafizah Binti Musa), dikaullah *qurrah 'ainī*, yang sentiasa bersama-sama memberikan motivasi, dorongan serta tabah dalam menanggung pahit-manis sepanjang kehidupan bersamaku. Sesungguhnya kehadiranmu banyak membantuku dalam amal-amal Islami. Begitu juga dengan putera-putera dan puteri-puteriku....Nur Nadratunnaemah (Kak Long), Muhammad Asyraf Murtadha (Abang Ngah), Nor Nikma al-Solehah (Kak Lang), Nawwar Huzaifah (Bang Teh) dan si baby kecilku Noriman Safia (Mak usu)... sesungguhnya senda gurau, manja *hattā* kerena kalian semua telah menghiburkan hati dan perasaan *Abiy* serta mengukir kemanisan dalam kehidupan *berusrah*. Tak lupa kepada bibi Dani dan bibi Empu yang sudah menjadi sebahagian dari keluarga Abu Asyraf al-Nawwar. Salam Penghargaan Dari **Saya**:

Azahar bin Yaakub @ Ariffin al-Nawwar.

Lot. 2757B, Tahfiz Darul Furqan, Kg. Padang Balang, 51100.

Sentul, Kuala Lumpur.

23 JUN 2005

H/P: 012-3998496 @ 012-3118974. E-mail: Noraz1973@yahoo.com.my

(1) PERNYATAAN MASALAH

Sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam, PAS berusaha memenuhi garis asas ke arah tersebut dengan menjadikan Islam sebagai dasar perjuangannya. Perlembagaan PAS (Pindaan 2001) mempertegaskan bahawa dasar PAS ialah Islam.¹ Bagi memandu dasar Islam tersebut, Perlembagaan PAS (Pindaan 2001) telah menetapkan bahawa sumber hukum yang menjadi panduan kepada gerak kerja PAS ialah *Kitab Allah* (Al-Quran), Sunnah Rasul (Hadis), ijmak ulama dan qias.² Seterusnya PAS juga cuba menjadikan setiap pandangan, rancangan dan tindakannya agar sejajar dengan Islam³. Justeru pembentukan Majlis Syura Ulama PAS dengan dibantu oleh Dewan Ulama PAS memainkan peranan yang sangat penting bagi mengawal tindakan PAS agar sentiasa selari dengan Islam⁴. Penegasan terhadap dasar dan prinsip Islam telah diterjemahkan dalam Perlembagaan PAS seperti Fasal 4 tentang seruan PAS iaitu Allahu Akbar, Fasal 5 tentang tujuan PAS, Fasal 6 tentang usaha-usaha PAS, Fasal 7 tentang hukum, kekuasaan dan Majlis Syura Ulama PAS serta Fasal 9(2) tentang keahlian PAS.⁵ Dalam pada itu, PAS juga mengistiharkan di dalam perlombagaannya untuk melaksanakan syariah Islam. Sebagai contoh, Fasal

¹ *Perlembagaan PARTI ISLAM SEMALAYSIA, (PAS) (PINDAAN 2001)*, (2002), c. 1, Pejabat Agung PAS, Markaz PAS Pusat, Lorong Haji Hasan, Off Batu Geliga, 68100, Batu Caves, Selangor. Fasal 3. Penegasan tentang Islam sebagai dasar PAS turut disebut dalam Perlembagaan PAS (Pindaan 1973), Fasal 2(1); Perlembagaan PAS (Pindaan 1977), Fasal 3; Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), Fasal 3; dan Perlembagaan PAS (Pindaan 1993), Fasal 3. Adapun Undang-undang Tubuh PAS 1951, Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1953), *Undang-undang Tubuh PAS* (Pindaan 1955) dan Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1962) tidak menyebutkan secara langsung tentang Islam sebagai dasar PAS, tetapi menyebutkan tentang tujuan, usaha-usaha, hukum dan kekuasaan PAS yang berdasarkan Islam.

² *Perlembagaan PAS (Pindaan 2001)*, ibid, Fasal 7 (1).

³ Nasharudin Mat Isa, (2001), *The PAS: Ideology, Policy, Struggle and Vision Toward The New Millennium*, PAS, Kuala Lumpur, h. 7.

⁴ *Perlembagaan PAS (Pindaan 2001)*, ibid, Fasal 7(3) dan Fasal 40 (6) (a).

⁵ *Ibid.*, Fasal 4, 5, 6, 7 dan 9(2).

6(1) Perlembagaan PAS dengan jelas menyebut bahawa salah satu daripada usaha PAS ialah menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan Sunnah RasulNya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan⁶. Jelasnya PAS telah mempromosi dirinya sebagai sebuah parti Islam yang mahu melaksanakan negara Islam jika diberi mandat mentadbir negara. Permasalahan yang timbul ialah:

- (i) Apakah PAS mempunyai strategi-strateginya yang tersendiri dalam usaha membentuk sebuah pemerintahan Islam di Malaysia. Kajian tentang persoalan ini diharap dapat menjawap samada PAS sememangnya memiliki strategi-strategi ke arah tersebut ataupun sekadar gimik politik semata-mata yang bertujuan meraih sokongan massa terhadapnya?
- (ii) Seandainya terbukti bahawa PAS sememangnya merangka suatu strategi ke arah membentuk negara Islam, maka apakah strategi-strategi tersebut bersifat *sya'ie* atau sebaliknya, termasuklah samada ia masih *relevan* dengan realiti masa kini atau sebaliknya?
- (iii) Sejauhmana tahap-tahap kemajuan dan permasalahan-permasalahan utama yang dihadapi oleh PAS dalam mewujudkan strategi-strategi yang dirancang. Persoalan ini berbangkit akibat *frenkuasi* perjuangan PAS dilihat seolah-olah bermusim ataupun mengalami pasang-surutnya tersendiri. Sebagai contoh, PAS berjaya membentuk Kerajaan Campuran PAS-Perikatan di Kelantan dan Terengganu pada

⁶ *Perlembagaan PAS*, (Pindaan 2001), *Ibid*, Fasal 6(1).

1973.⁷ Pada 1974, PAS bersama tujuh parti lain telah mengasaskan Barisan Nasional (BN) dan berjaya menguasai kerajaan pusat pada 1974. Beberapa pemimpin PAS seperti Mohd Asri Muda dan Hassan Adli telah dilantik sebagai menteri. Ini dianggap zaman gemilang bagi PAS terutama apabila berpeluang menjadi komponen parti yang memerintah. Walau bagaimanapun, ia berakhir dengan PAS disingkirkan daripada BN pada 1977, serta dalam masa yang sama berlaku beberapa siri perpecahan parti.⁸ Kemuncaknya PAS menerima kekalahan teruk di Kelantan pada 1978. Walaubagaimanapun PAS seolah-olah mendapat suntikan baru apabila gelombang kebangkitan Islam di kalangan pemuda Islam mulai meruap-ruap terutama ekoran rangsangan daripada tokoh-tokoh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Penyertaan tokoh-tokoh ABIM seperti Fadzil Mohd Noor, Nakhiae Ahmad, Abdul Hadi Awang, Syed Ibrahim Abdul Rahman.⁹ Gandingan Yusof Rawa dan Fadzil Mohd Noor pada 1982 sebagai pemimpin utama parti telah dilihat sebagai bermula era kepemimpinan ulama PAS.¹⁰ Di bawah kepemimpinan ulama, PAS mulai bangkit dengan memberikan tumpuan kepada gerakan pentarbiyan ahli dan membina kerjasama politik dengan parti-parti pembangkang termasuk hubungan dengan non-muslim.pada 1986 berlaku kerjasama pakatan politik PAS melalui Harakah Keadilan Rakyat (HAK) dan dengan masyarakat Cina melalui Majlis

⁷ Hassan Adli, (1976), *Laporan Kajian Menilai Penyertaan PAS Dalam Kerajaan Hingga Kongres Ke-21*, tidak diterbitkan. h. 1-2.

⁸ Lotfi Ismail, (1978), *Detik Mula Konfrantasi Nasir-Asri*, Karangkraf, Petaling Jaya. Lihat juga Yahya Ismail, (1978), *Bulan Purnama Gerhana di Kalantan*, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, h. 30-50.

⁹ Abdul Rahman Abdullah, (1977), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Alirannya*, Gema Insani Press, Jakarta, h. 222-225.

¹⁰ Mohd Fadli Ghani, Pemuda Pelopor Kepemimpinan Ulama, dalam *Buku Cenderamata Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-43*, Dewan Pemuda PAS Pusat, Kuala Lumpur (2002), h. 16-17.

Perunding Cina (CCC)¹¹ walaupun gagal memenangi Pilihanraya Umum 1986, tetapi telah memulakan era baru dalam strategi politik PAS. Pada 1988, PAS sekali lagi membuat pakatan politik ekoran pengharaman UMNO pada 1987. Melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU), PAS telah berjaya menguasai semula Kelantan pada 1990.¹² Kepintaran PAS mengasaskan penubuhan Gagasan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK). Ia diisusuli dengan penubuhan Barisan Alternatif (BA) pada 1999 yang akhirnya berjaya muncul sebagai pembangkang yang kuat, terutamanya selepas Pilihanraya Umum 1999. Melalui BA juga, PAS telah berjaya menguasai semula Terengganu selain mempertahankan Kelantan dan menjadi pembangkang utama di Parlimen¹³. Namun pada Pilihanraya umum ke-11 2004, PAS menerima kekalahan teruk sehingga Terengganu gagal dipertahankan dan Kelantan pula berada dalam keadaan goyah. Daripada kronologi di atas memperlihatkan turun-naik atau maju-mundur riwayat perjuangan PAS. Persoalan timbul apakah fenomena ini berlaku ekoran dari percaturan strategi PAS yang dilihat seakan-akan ada pro dan kontranya, ataupun ia berlaku secara spontan? Maka penyelidikan ini akan berusaha menjawab persoalan-persoalan tersebut.

¹¹ Ibn Hasyim, (1992), *PAS Kuasai Malaysia*, GG Edar, Kuala Lumpur, h. 345-355.

¹² *Ibid.*

¹³ Kamaruddin Jaafar, (2000), *Pilihanraya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*, IKDAS, Kuala Lumpur h. 22. Lihat juga Biro Analisa Politik, Strategic Info Research Development, (2000), *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999–UMNO in Trouble*, Strategic Info Research Development, Petaling Jaya, h. 9.

(2) HIPOTESIS KAJIAN

Sebagai sebuah parti Islam yang ditubuhkan semenjak 1951, maka PAS merupakan sebagai sebuah parti pembangkang yang paling lama mampu bertapak di persada politik tanahair Malaysia. Banyak parti-parti politik lain samada yang seangkatan dengannya maupun yang lahir selepas kewujudan parti PAS telah berkubur ataupun dibubarkan. Di sini timbul satu hipotesis awal yang beranggapan bahawa *survival* kesinambungan PAS sehingga mampu bertahan sehingga ke saat ini ekoran dari dasar PAS yang tidak pernah berubah samada dari segi visi maupun misinya.

Dalam perkembangan lain, PAS adalah sebagai sebuah parti yang sering diuji dengan berbagai bentuk tribulasi maupun hambatan permasalahan samada dalaman maupun luaran, namun realiti mendapati pencapaian parti tersebut dilihat semakin menarik perhatian massa sehingga berjaya memerintah beberapa buah negeri, memenangi beberapa kerusi parlimen dan dewan undangan negeri serta PAS boleh dianggap sebagai satu cabaran dan saingan utama terhadap parti yang berkuasa.

Realiti ini cuba mencetuskan hipotesis awal bahawa parti PAS ini tidak mungkin berkembang secara rawak, sebaliknya harus dikemudi melalui suatu strategi yang terancang dan kemas samada dalam bentuk jangka panjang maupun pendek. Justeru, atas hipotesis inilah penyelidikan cuba dilakukan terhadap parti PAS bagi menyingkap dan mencungkil kebarangkalian yang cuba ditimbulkan.

(3) KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan utama kajian ini ialah mengetahui secara jelas bentuk-bentuk strategi yang dilaksanakan oleh Parti Islam Se-Malaysia dalam usaha membentuk sebuah negara Islam. Di samping mengenalpasti kejayaan maupun permasalahan di sebalik strategi-strategi yang diaplikasikan. Perolehan dari kepentingan kajian strategi PAS diharap dapat membantu PAS dalam merialisasikan misi perjuangannya dengan cara yang lebih sistematik dan terancang untuk masa mendatang. Manakala pengabaian dari merawat dan mengatasi permasalahan strategi-strategi PAS yang telah dikenalpasti melalui kajian ini akan menjadikan PAS terus berada pada takuk yang lama dan sekaligus akan memperlamban kejayaan misi. Justeru kajian di peringkat permasalahan strategi PAS juga amat mustahak diberi perhatian khususnya oleh PAS bagi membantu usaha-usaha mempercepat proses kemenangan demi mencapai cita-cita perjuangan.

(4) OBJEKTIF KAJIAN

- (i) Mengetahui bentuk-bentuk strategi jangka panjang dan jangka pendek PAS dalam usaha membentuk negara Islam.
- (ii) Mengenalpasti tahap implikasi strategi PAS dalam mengaplikasikan strategi membentuk negara Islam dengan warisan dan panduan yang telah digariskan oleh Rasulullah (s.a.w.).

- (iii) Mencungkil pemikiran, pandangan, dan pendirian PAS terhadap konsep pembentukan sebuah negara Islam, terutama dalam hal-hal yang bersifat *fundamental*, seperti dalam lapangan politik, perundangan, ekonomi.
- (iv) Mengetahui tahap-tahap kemajuan maupun permasalahan yang dihadapi oleh PAS dalam menjayakan strategi-strategi tersebut.

(5) HURAIAN ISTILAH

Dalam menghuraikan tajuk tesis ini, penulis mendapati terdapat tiga istilah ataupun objek utama yang memerlukan definisi, iaitu strategi dakwah, Parti Islam SeMalaysia dan negara Islam.

(i) STRATEGI DAKWAH

Kamus Dewan mendefinisikan strategi dengan maksud sebarang usaha yang dioperasikan, pendekatan utama yang digunakan secara bersepada atau rancangan yang rapi dan teratur bagi mencapai sesuatu maksud atau tujuan¹⁴.

Manakala dakwah bermakna kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan, termasuklah usaha agar mereka mematuhi ajaran yang sebenar¹⁵. Apabila kedua-dua definisi tersebut dicantumkan, maka ia memberi maksud jenis-jenis pendekatan ataupun sebarang usaha rapi yang bertujuan

¹⁴ Hajah Noresah bt Baharom, (1998), *Kamus Dewan* (edisi ketiga), c. 4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 1304.

¹⁵ *Ibid*, 264

menyeru dan meyakinkan orang lain agar menerima dasar ataupun konsep yang benar dan betul berasaskan Islam.

(ii) PARTI ISLAM SEMALAYSIA

PAS ditubuhkan secara rasmi pada 26 Safar 1371H bersamaan 24 November 1951. Namun idea penubuhan PAS diilhamkan pada 21 Zulkaedah 1370H bersamaan 23 Ogos 1951. Antara tujuan utama penubahannya ialah untuk menjadi satu wadah perjuangan ke arah mendapatkan kuasa politik yang akhirnya akan membentuk sebuah negara Islam.¹⁶

(iii) PEMBENTUKAN

Perihal membentuk: ia berazam untuk mengambil peranan pembentukan masyarakat baru,¹⁷ Menjadikan ia dalam rupa yang tertentu.

(iv) NEGARA ISLAM

Negara bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sesebuah kerajaan.¹⁸ Dalam konteks negara Islam bermaksud masyarakat di negara tersebut diperintah oleh kerajaan Islam.

¹⁶ Hasan Syukri, (2002), *Ke arah Memahami Dasar dan Pegangan PAS*, c. 3, Badan Perhubungan PAS Selangor, h. 6-7

¹⁷ Hajah Noresah bt Baharom, (1998), *op-cit*, h. 140.

¹⁸ *Ibid*, h. 924

(6) RANGKA KAJIAN

Dalam membina rangka kajian kepada tesis ini, penulis menjadikan strategi-strategi utama dakwah Rasulullah (s.a.w.) samada di peringkat *Makkiyyah* ataupun *Madaniyyah* serta modul negara Islam Madinah sebagai asas utama yang membentuk kerangka umum kajian. Ini kerana tiada sumber yang paling muktabar dalam pengajian Islam melainkan sunnah ‘amaliyah / praktikal Rasulullah (s.a.w.) Ia bersifat muktamad dan paling berautoriti. Melalui landasan inilah ia akan dikembangkan terhadap PAS yang menjadi kajian utama penyelidikan.

(7) ULASAN KAJIAN TERDAHULU

Terdapat beberapa kajian terdahulu samada dalam bentuk buku-buku terbitan, tesis, latihan ilmiyyah dan seumpamanya yang mengutarakan tajuk-tajuk berkaitan dengan strategi PAS yang juga merupakan sebahagian daripada konsep dakwah yang dibawa oleh parti tersebut. Namun, kebanyakannya kajian yang telah dijalankan hanyalah bersifat fokus kepada beberapa aspek kecil semata-mata. Sebagai contoh, Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif dalam tulisannya, *PAS 1951-1991: Cabaran, Pemantapan dan Misi*¹⁹ telah menggalurkan secara ringkas strategi-strategi yang pernah digunakan oleh PAS dalam menuju cita-citanya. Menurut Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, pada peringkat awal, PAS menjadikan perjuangan kemerdekaan sebagai strategi menarik sokongan ummah terhadap perjuangannya dan

¹⁹ Pendetailan sila rujuk Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, (1991), *PAS 1951-1991: Cabaran, Pemantapan dan Misi*, Jabatan Penerangan PAS Pusat, Kuala Lumpur.

mencampurkan perjuangan Islam dengan kebangsaan bagi mengimbangi semangat kebangsaan yang begitu tinggi pada dekad 1950-an dan 1960-an²⁰. PAS juga telah menggunakan demokrasi melalui pilihan raya sebagai satu cara untuk memperolehi kuasa²¹. Walau bagaimanapun, selepas Peristiwa 13 Mei 1969 PAS telah mengambil strategi perubahan dari dalam melalui pemuaafakan politik dengan membentuk kerajaan campuran dan menubuhkan Barisan Nasional sehingga PAS berjaya mengadakan Dasar Penerapan Islam dalam kerajaan antara 1973 hingga 1977²². Menjelang dekad 1980-an, PAS menggunakan metode yang lebih Islamik melalui kepemimpinan ulama dan tarbiyah haraki untuk menarik semula sokongan termasuk mengadakan kerjasama politik melalui Harakah Keadilan Rakyat (HAK) pada 1986, mendekati non muslim dan melibatkan diri di peringkat antarabangsa²³.

Satu kajian yang penting tentang strategi PAS juga telah dibuat oleh Zamry Abdul Kadir melalui tesis PhDnya yang bertajuk *PAS: Legitimization of Islam As a Political Strategy*²⁴ yang secara khusus cuba menggali pendekatan yang dibuat oleh PAS yang mengembangkan Islam sebagai produk untuk menuju cita-cita PAS menegakkan negara Islam. Zamry Abdul Kadir dalam kajiannya mendapati PAS telah memanfaatkan sepenuhnya strategi yang pernah digunakan oleh Rasulullah, iaitu menawarkan Islam kepada masyarakat sebagai alternatif kepada kemelut yang timbul dalam masyarakat.

²⁰ *Ibid*, h. 14-16.

²¹ *Ibid*, h. 19.

²² *Ibid*, h. 23-27.

²³ *Ibid*, h. 35-37.

²⁴ Pendetaian sila rujuk Zamry Abdul Kadir, (1995), "Religion and Politics: The Search For Political Legitimacy of The Pan Islamic Party of Malaysia". Tesis Kedoktoran Falsafah, Department of Islamic Study, Universiti of Temple.

Begitu juga kajian yang dihasilkan oleh Badlihisham Mohd Nasir, melalui tesis Ph.D beliau yang berjodol *Islamic Movement in Malaysia: A Study of Da'wah in PAS and ABIM*, (1998), Thesis Ph.D, University of Birmingham.²⁵ Dalam kajian tersebut menjelaskan beberapa konsep dakwah yang diolah dalam bentuk strategi yang digunakan oleh PAS bagi mewujudkan cita-cita perjuangan seperti memperkasakan ekonomi, organisasi, sosial, politik dan seumpamanya.

Kajian oleh Amir Ramadzan Ibrahim yang berjudul *Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam: Satu Analisis*²⁶ dan kajian oleh Wan Ismail Wan Abdullah, *Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam*²⁷ adalah antara dua kajian awal yang pernah dibuat dalam mendedahkan strategi-strategi PAS menuju cita-citanya untuk membentuk negara Islam. Kedua-dua kajian secara ringkas telah mengemukakan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh PAS sepanjang sejarahnya bagi menegakkan negara Islam.

Selain itu, Abdul Aziz Abdul Rahman juga turut membuat satu kajian perbandingan di antara dasar dan strategi parti pembangkang dengan kajian ditumpukan kepada PAS dan Democratic Action Party (DAP) melalui tulisannya, *Peranan Parti PAS dan DAP Dalam Politik Malaysia: Satu Kajian Perbandingan*

²⁵ Pendetailan sila rujuk Badlihisham Mohd. Nasir, (1998), "Islamic Movement in Malaysia: A Study of Da'wah in PAS and ABIM", Thesis Ph.D, University Birmingham.

²⁶ Pendetailan sila rujuk Amir Ramadzan Ibrahim, (1995/96), "Pendekatan Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Membentuk Negara Islam: Satu Analisis", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

²⁷ Pendetailan sila rujuk Wan Ismail Wan Abdullah, (1994). "Parti Islam SeMalaysia (PAS) Dalam Usahanya Menegakkan Sebuah Negara Islam", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya)

*Mengenai Dasar dan Strategi.*²⁸ Secara umumnya, kajian-kajian tentang strategi PAS cuba membahagikan gerakan politik PAS kepada tiga strategi asas iaitu strategi dekad 1950-an dan 1960-an yang lebih terfokus kepada perjuangan kemerdekaan dan kebangsaan Melayu Islam; strategi dekad 1970-an yang memperlihatkan penyertaan PAS dalam akamodasi politik; dan strategi selepas 1982 yang menampilkan strategi yang lebih Islamik melalui kepemimpinan ulama, pentarbiyanan haraki dan kerjasama politik.

Beberapa kajian yang memfokuskan tentang perjuangan PAS pada tahap sebelum 1970 seperti N.J. Funston melalui kajiannya yang bertajuk *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS* telah merumuskan bahawa pendekatan PAS untuk mendapat keredaan Allah melalui akidah Islam dengan cita-cita menegakkan negara Islam menjadi faktor utama sokongan ummah pada peringkat awal²⁹. Funston juga mengaitkan perjuangan kemerdekaan yang berasaskan Islam dan strategi Burhanuddin al-Helmy yang menggerakkan idea kebangsaan Melayu Islam sebagai faktor PAS mendapat sokongan rakyat.³⁰

PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan, hasil kajian Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS turut mengemukakan peranan yang dimainkan oleh PAS untuk memperjuang kemerdekaan negara sekali gus menjadi strategi PAS untuk

²⁸ Pendetailan sila rujuk Abdul Aziz Abdul Rahman, (1980/81), "Peranan Parti PAS dan DAP Dalam Politik Malaysia: Satu Kajian Perbandingan Mengenai Dasar dan Strategi", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁹ Funston, N.J. (1980), *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Petaling Jaya, h. 52.

³⁰ *Ibid*, h. 96.

membolehkan mereka menegakkan negara Islam dalam negara yang ditinggalkan oleh penjajah³¹. Kajian biografi politik bekas Setiausaha Agung PAS, Datuk Othman Abdullah oleh Zaidul Bakri Abd. Mutualib melalui karyanya *Othman Abdullah dan Perjuangan Dalam Politik Kepartian Dengan Rujukan Khas Penglibatan Dalam Parti Islam SeTanah Melayu* mendapati bahawa perjuangan untuk menegakkan kemerdekaan menjadi strategi utama PAS untuk menarik sokongan rakyat kepada cita-cita PAS pada peringkat awal perjuangannya.³²

Kajian-kajian lain juga turut memberikan fokus kepada pendekatan PAS yang mengadakan kerjasama politik dengan pelbagai parti politik termasuk mengadakan kerajaan campuran sebagai strategi perjuangannya. Kajian Razaman Mohamed yang bertajuk *Permuafakatan politik Islam: Satu Tinjauan Terhadap Sumbangan PAS Kepada Kerajaan Barisan Nasional Antara Tahun 1974-1978*³³ dan kajian Mohd Isa Hussain, *Penyertaan PAS Dalam Barisan Nasional*³⁴ adalah dua kajian yang membincangkan secara khusus tentang peranan dan strategi PAS dalam permuafakatan politik pada dekad 1970-an. Kajian oleh Mazlan Ali yang bertajuk *Hubungan Semangat 46 dan PAS 1988-1996: Satu Tinjauan Terhadap Politik*

³¹ Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, (1999), *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Pusat Penyelidikan PAS, Kuala Lumpur, h. 15.

³² Zaidul Bakri Abd. Mutualib, (1984/85), "Othman Abdullah dan Perjuangan Dalam Politik Kepartian Dengan Rujukan Khas Penglibatan Dalam Parti Islam SeTanah Melayu", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya), h. 19.

³³ Pendetaian sila rujuk Razaman Mohamed, (2001/2002), "Permuafakatan Politik Islam: Satu Tinjauan Terhadap Sumbangan PAS Kepada Kerajaan Barisan Nasional Antara Tahun 1974-1978", (Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

³⁴ Mohd Isa Hussain, (2001/2002), "Penyertaan PAS Dalam Barisan Nasional", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan, YAYasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan).

*Malaysia*³⁵ pula menumpukan kepada peranan strategi PAS dalam pakatan politik melalui APU. Manakala *Tahaluf Siayasi Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Terhadap Sumbangan PAS Membentuk Barisan Alternatif Dalam Pilihanraya Umum 1999*³⁶ karya Sufri Muhamad pula mendedahkan peranan dan strategi PAS dalam pakatan politik selepas 1998.

Beberapa kajian tentang strategi PAS selepas dekad 1980-an juga dibuat dan kebanyakannya menumpukan kepada peranan kepemimpinan ulama dan tarbiyah haraki sebagai method utama PAS selepas 1982. Kajian yang bertajuk *Kepimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Analisis*³⁷ oleh Muhyidin Aziz; *Kepimpinan Ulama: Sejauhmana Perlaksanaannya Dalam Kerajaan PAS di Kelantan*³⁸ oleh Nik Wan Norsalawati Wan Hamat; dan *Pimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Penilaian*³⁹ oleh Hasmut Ali adalah tiga karya yang membincangkan bagaimana PAS memanfaatkan kepemimpinan ulama sebagai satu strategi asas mendekati rakyat bagi menarik sokongan mereka kepada usaha menegakkan negara Islam.

³⁵ Pendetaian sila rujuk Mazlan Ali, (1998), "Hubungan Semangat 46 dan PAS 1988-1996: Satu Tinjauan Terhadap Politik Malaysia", (Disertasi Master of Public Administration, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya).

³⁶ Pendetaian sila rujuk Sufri Muhamad, (2001/2002), "Tahaluf Siyasi Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Terhadap Sumbangan PAS Membentuk Barisan Alternatif Dalam Pilihanraya Umum 1999", (Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

³⁷ Pendetaian sila rujuk Muhyidin Aziz, (1996), "Kepimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Analisis", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

³⁸ Pendetaian sila rujuk Nik Wan Norsalawati Wan Hamat, (1996/1997), "Kepimpinan Ulama: Sejauhmana Perlaksanaannya Dalam Kerajaan PAS di Kelantan", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya)

³⁹ Pendetaian sila rujuk Hasmut Ali, (1987), "Pimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Penilaian", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Metod Pentarbiyahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam: Satu Kajian Dalam Gerakan Parti Islam SeMalaysia⁴⁰ oleh Siti Turimah Hailani pula melihat strategi PAS melalui gerakan tarbiyah sebagai alat untuk membina kesedaran masyarakat sekali gus merangsang idea negara Islam.

Kesimpulannya kajian tentang strategi PAS untuk membentuk negara Islam bolehlah dianggap baru dalam dunia akademik. Berbeza dengan kajian tentang sejarah dan perkembangan PAS yang agak popular di kalangan para penyelidik dan pengkaji, kajian-kajian tentang strategi PAS untuk membentuk negara Islam adalah amat sedikit sekali. Kebanyakan kajian yang dibuat sebelum ini adalah lebih menjurus kepada satu-satu strategi yang digunakan oleh PAS atau kajian terhadap pendekatan-pendekatan tertentu berdasarkan kes-kes yang boleh dilihat juga sebagai kajian terhadap strategi PAS.

(8) METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat tiga kaedah utama yang digunakan bagi mengumpul data dan maklumat iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan, temubual dan peninjauan (observasi).

⁴⁰ Pendetailan sila rujuk Siti Turimah Hailani, (1994). "Metod Pentarbiyahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam: Satu Kajian Dalam Gerakan Parti Islam SeMalaysia", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).

(i) Kaedah Perpustakaan

Beberapa buah perpustakaan telah didimanafaatkan sepenuhnya terutama bagi menjalankan semakan bibliografi melalui pengkalan data berkomputer di beberapa buah perpustakaan. Antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya: Perpustakaan Negara: Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP): Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM: Perpustakaan Pusat Islam, JAWI: Maktabah Yusof Rawa di markaz tarbiyyah PAS Pusat. Unit Arkib Dewan Pemuda PAS Pusat. Bahan-bahan ini seterusnya diklasifikasikan kepada bahagian-bahagian berikut iaitu buku, jurnal, kertas kerja, tesis, disertasi, risalah, majalah, akhbar dan lain-lain lagi. Pengkajian pepustakaan ini penting bagi mendapatkan kefahaman tentang subjek kajian di samping membuat semakan di antara satu bahan dengan bahan yang lain.

(ii) Kaedah Temubual

Kaedah temu bual ini diadakan dengan tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dengan Parti Islam SeMalaysia bagi mendapatkan data-data primer. Mereka ini samada masih lagi aktif dengan PAS ataupun sudah tidak lagi aktif berpolitik. Melalui kaedah ini penulis akan mengumpulkan data-data yang diperlukan terutamanya sebagai menambah dan menyempurnakan kajian perpustakaan.

(iii) Kaedah peninjauan

Peninjauan dibuat dengan memerhati dan memantau kepada beberapa program yang dijalankan oleh PAS. Antara yang utama ialah program seperti ceramah umum dan kelompok, sesi pembentangan kertas kerja, munaqasyah, *liqā'* *al-fikr*, usrah dan tamrin, seminar dan lain-lain lagi. Melalui kaedah ini penulis akan mendapat gambaran dan jawapan yang lebih tepat dan realistik berbanding dengan data dan maklumat yang bersifat teorikal di peringkat kaedah perpustakaan dan temubual. Realiti ini memudahkan penulis untuk menganalisis data secara lebih tepat dan betul.

(iv) Analisis data

Kaedah analisis data dimulakan dengan menilai data, mengadunkannya sehinggalah membuat pentafsiran dan analisis terhadap data tersebut. Dalam penyelidikan ini, dua metode utama digunakan ketika menganalisis analisis data iaitu metode induktif dan metode deduktif. Di peringkat induktif penulis berusaha mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menghurai fenomena yang dikaji, iaitu strategi PAS dalam membentuk sebuah negara Islam. Suatu pencarian atau usaha menghubungkan data, maklumat atau fakta turut dilibatkan terutama untuk mengenali bentuk-bentuk atau merumuskan suatu gagasan pemikiran maupun jawapan terhadap persoalan. Ia akan membantu penulis terutama dalam membuat interpretasi terhadap apa yang didapati.

Sebagai contoh, semua maklumat terkumpul akan dibahagikan mengikut bab-bab yang telah ditentukan. Secara umumnya ia terbahagi kepada tiga bab atau komponen utama, iaitu landasan teori dengan menjadikan modul strategi dakwah Rasulullah (s.a.w.) dan negara Islam Madinah sebagai landasan kajian. Ia diikuti dengan penyelidikan terhadap rupa bentuk ataupun konsep negara Islam yang dikehendaki oleh PAS. Seterusnya mengkaji bentuk dan pendekatan strategi dakwah PAS dalam membentuk negara Islam samada dalam bentuk jangka panjang ataupun pendek. Ini termasuklah dengan mengkaji tahap kejayaan dan permasalahan.

Setelah menganalisis ketiga-tiga topik ini, maka metode *deduktif* pula akan diguna pakai, iaitu dengan mengaplikasikan teori yang telah dirumus dan diputuskan di peringkat teori untuk diadaptasikan dalam kajian, termasuklah dalam konteks membuat perbandingan, menilai dan merumuskan ketepatan carian serta cuba membuktikan ketepatan hipotesis kajian.